

15 JAN 2003

Mahathir-PAS

PAS CUBA BENTUK PAKATAN JAHAT DENGAN PARTI PEMBANGKANG LAIN

KOTA BAHARU, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata PAS cuba membentuk satu "pakatan jahat" dengan parti pembangkang lain termasuk menjemput DAP bekerjasama dengannya semata-mata bagi menentang Barisan Nasional (BN).

PAS sanggup secara terbuka mengetepikan dasar perjuangannya hanya untuk memenuhi impian politik mereka.

"Dia (PAS) kata tolonglah kerjasama. Tak usahlah kira tentang dasar... pakatan orang jahat macam itulah," katanya pada sidang berita di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas tindakan terbaru PAS menjemput DAP menyertai semula pakatan pembangkang yang pernah terbentuk sebelum ini bagi menentang BN pada pilihan raya umum lepas.

Ahad lepas, Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata PAS bersikap terbuka dalam menjemput DAP untuk sama-sama memperkukuhkan kedudukan pembangkang bagi berdepan dengan BN.

Bagaimanapun DAP terus menolak pelawaan itu atas alasan perbezaan ideologi antara kedua-dua parti.

Perdana Menteri tiba di sini, hari ini, bagi lawatan kerja dua hari ke Kelantan untuk bertemu dengan rakyat negeri itu.

Selain majlis Pemimpin Bersama Rakyat yang dihadiri ribuan rakyat Kelantan hari ini, Dr Mahathir akan menghadiri majlis yang sama di Jeli, pagi esok.

Perdana Menteri berkata pakatan pembangkang yang cuba dibentuk oleh PAS itu sebenarnya tidak ikhlas.

"Kita tidak boleh berjuang tanpa mempunyai matlamat yang sama," katanya.

Ditanya adakah hasratnya untuk menawan Kelantan pada pilihan raya umum akan datang merupakan hasrat peribadi sebelum bersara, Dr Mahathir berkata: "(bukan soal) saya nak bersara tak bersara, tetapi kita tetap nak tawan Kelantan".

Beliau berkata Umno tidak pernah berputus asa dalam menawan semula Kelantan daripada PAS sejak kalah pada pilihan raya umum 1990 dan malahan pada kali ini beliau yakin BN mampu menang.

"Saya tidak akan putus asa. Kita tak putus asa dan kita tak pernah putus asa," katanya.

Mengenai bentuk perubahan yang akan dilakukan BN jika berkuasa semula di Kelantan, Dr Mahathir berkata Kelantan akan menjadi maju seperti negeri-negeri lain yang dikuasai BN.

"Kita tengoklah tempat yang diperintah BN, apa yang terjadi. Umpamanya Selangor, dunia kagum dengan Selangor sehingga mendakwa melihat Selangor mereka anggap Malaysia sebuah negara maju, bukannya negara membangun lagi," katanya.

Beliau juga berharap rakyat Kelantan sedar kelemahan PAS dan sedia mengubah kepimpinan sekarang kerana terbukti sejak PAS memerintah tiga penggal pilihan raya lepas tidak ada langsung kemajuan di negeri itu.

"Kita nampak tidak ada langsung kemajuan sedangkan mereka (PAS) janji macam-macam. Apa yang kerajaan pusat buat dia (PAS) mengaku dia punya. Setakat itu sahajalah dia boleh," katanya.

Yang turut hadir pada sidang berita itu ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed.

Mengenai penyeragaman sistem perundangan Islam di negara ini, Perdana

Menteri berkata semua Kerajaan Negeri patut menerima langkah itu.

Beliau berkata majlis raja-raja telah menerima cadangan itu dan sewajarnya dipatuhi oleh semua pihak termasuk Terengganu dan Kelantan.

"Soal agama bukan soal raja, bukan soal Kerajaan Negeri," katanya.

Dr Mahathir berkata soal meminda Perlembagaan Malaysia bagi melaksanakan perkara itu tidak berbangkit kerana sehingga ini kerajaan mendapat kerjasama daripada sultan-sultan yang merupakan ketua agama negeri masing-masing.

"Kita dapat kerjasama daripada sultan. Apa perlu kita nak pinda (perlembagaan)," katanya.

Semalam Dr Mahathir meminta setiap Kerajaan Negeri mewartakan Undang-undang keluarga Islam secepat mungkin bagi menyeragamkan sistem perundangan itu di seluruh negara.

-- BERNAMA

RAR SN PR

aab bns

Mahathir-SAR 3 (Akhir) Kota Baharu

K'JAAN KAJI TINGKAT SUKATAN PELAJARAN AGAMA - 3

Dr Mahathir berkata tindakan ibu bapa menghantar anak-anak ke SAR seolah-olah menganiayai kanak-kanak itu sedangkan anak orang PAS dan anak wakil rakyat dari parti itu sendiri dihantar ke sekolah kebangsaan.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata tindakan kerajaan untuk tidak lagi menyalurkan bantuan kepada SAR bukan kerana mereka menentang kerajaan tetapi kerana sekolah-sekolah agama itu tidak mengajar ajaran Islam.

Beliau berkata adalah salah bagi kerajaan untuk bersubahat dengan sekolah-sekolah yang mengajar ajaran yang salah dengan ajaran Islam.

"Sekolah agama rakyat tidak ajar agama Islam tetapi ajar ajaran yang bertentangan dengan agama Islam...apa yang diajar ialah supaya murid-muridnya membenci dan tidak tahu berterima kasih kepada orang yang bagi bantuan sedangkan Islam tidak ajar umatnya membenci sesama sendiri.

Dr Mahathir berkata kerajaan sanggup menerima pelajar-pelajar SAR untuk diberi didikan yang lebih sempurna dan selesa di sekolah-sekolah kebangsaan yang turut mempunyai guru-guru terlatih.

Beliau berkata kerajaan juga bersedia memberi peruntukan tambahan bagi meningkatkan kemudahan di sekolah-sekolah kebangsaan termasuk menambah kelas-kelas yang ada untuk menampung pelajar-pelajar itu.

"Apa guna lagi sekolah-sekolah pondok, sekolah agama rakyat yang tidak ada guru-guru terlatih dan tidak selesa...tak perlu ada sekolah agama rakyat," katanya.

-- BERNAMA

SN RHM